

**TEKS UCAPAN  
YANG BERUSAHA PROF. DR. AHMAD TAUFEEK  
ABDUL RAHMAN  
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR  
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM KESEJAHTERAAN REMAJA BEBAS  
HIV & SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA 2025  
PERINGKAT UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**6 DISEMBER 2025 | SABTU | 9.00 PAGI  
KOMPLEKS KEMUDAHAN PELAJAR ANGSANA  
UiTM CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS PUNCAK ALAM**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN  
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL  
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI  
WASOHBIHI AJMAIN**

**YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah**  
Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,  
Komuniti, Alumni dan Keusahawanan, Menjalankan  
Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

**YBrs. Dr Saliana Sadi**  
Ketua Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor  
Kampus Puncak Alam & Kampus Puncak Perdana

**YBrs. Dr Wan Rafidah Zawani Wan Ali**

Pegawai Perubatan

Merangkap Penasihat Program

**YBrs. Dr. Afif Fahim Mohamad Dimyati**

Ketua Unit HIV/ STI

Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor

Selaku Penceramah Jemputan

**YBrs. Dr Kafilah Fauzi**

Pakar Perubatan Penyakit Berjangkit

Hospital Sungai Buloh

**YBrs. Pn Razimah Ab Ghani**

Selaku Pengarah Program

Kesejahteraan Remaja Bebas HIV & Sambutan Hari

AIDS Sedunia 2025

Barisan Pengurusan Kolej Angsana dan Casuarina

sesi 2025/2026

Wakil Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor,

Wakil Pejabat Kesihatan Daerah Petaling,

Wakil Jabatan Perubatan Penyakit Berjangkit

Hospital Sg Buloh

Wakil Jabatan Agama Islam Selangor

Wakil Organisasi Swasta

Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana dan

Casuarina sesi 2025/2026

Barisan Jawatankuasa Program

Seterusnya mahasiswa UiTM Cawangan Selangor,  
tuan-tuan, puan-puan para hadirin yang saya  
hormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita diberikan kesempatan dan kesihatan untuk sama-sama berhimpun pada pagi ini bagi meraikan **Majlis Perasmian Program Kesejahteraan Remaja Bebas HIV Dan Sambutan Hari AIDS Sedunia 2025 Peringkat UiTM Cawangan Selangor.**
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada **Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam** dengan kerjasama **Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana dan Casuarina sesi 2025/2026** atas penganjuran program ini.

3. Saya difahamkan bahawa Program Kesejahteraan Remaja Bebas HIV, iaitu Jelajah Sihat HIV secara bersiri, telah dijalankan sejak Oktober 2025 di Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana bagi meningkatkan kesedaran dan kesejahteraan remaja.
4. Program hari ini juga merupakan sebahagian daripada sambutan Hari AIDS Sedunia 2025, yang disambut setiap tahun pada 1 Disember.
5. Bertepatan dengan tema tahun ini, “Akhir AIDS: Mendepani Cabaran, Mentransformasi Tindakan”, ia mengingatkan kita tentang pentingnya komitmen global dalam memerangi HIV dan AIDS.
6. Untuk makluman hadirin, laporan Pemantauan AIDS Global 2024 telah mencatatkan lebih 135 ribu kes HIV, lebih 31 ribu kes AIDS, dan lebih 63

ribu kes kematian berkaitan HIV/AIDS secara kumulatif di Malaysia.

7. Justeru, program seumpama ini merupakan satu usaha proaktif dalam memperkasa ilmu pengetahuan serta meningkatkan kesedaran berkenaan isu-isu kesihatan semasa, khususnya yang berkaitan jangkitan HIV.
8. Saya yakin program ini telah dirangka dengan teliti, merangkumi aspek-aspek utama yang amat signifikan dalam menangani penularan HIV dalam kalangan pelajar.
9. Selain meningkatkan kesedaran serta pendidikan berkaitan HIV, saya berharap program ini juga dapat meningkatkan pengetahuan mahasiswa terhadap aktiviti berisiko tinggi agar mereka dapat membuat pilihan hidup yang lebih selamat.

10. Untuk makluman semua, perkhidmatan kesihatan yang mudah diakses turut disediakan bagi membantu mengurangkan penularan HIV, serta menawarkan sokongan dan rawatan profesional kepada mahasiswa yang memerlukannya.

11. Di kesempatan ini, izinkan saya untuk menyampaikan pesanan kepada semua yang hadir.

i. Jadilah insan yang bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan diri, mengamalkan gaya hidup sihat, dan berwaspada terhadap risiko HIV/AIDS, kerana pencegahan lebih baik daripada merawat.

ii. Dan - manfaatkan peluang pendidikan seperti program ini untuk melengkapkan diri

dengan ilmu demi kesejahteraan diri, keluarga, dan komuniti.

12. Akhir kata, saya sekali merakamkan penghargaan kepada Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor, Jawatankuasa Perwakilan Kolej Angsana dan Casuarina serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan kelancaran program ini.

Bunga mawar harum mewangi,  
Burung berkicau di pagi hari;  
Cegah penyakit, lindungi diri,  
Hidup sihat tanpa AIDS dan HIV.

13. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya sukacitanya merasmikan **Program Kesejahteraan Remaja Bebas HIV Dan Sambutan Hari AIDS Sedunia 2025 Peringkat UiTM Cawangan Selangor.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**